



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 JANUARI 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Terpaksa guna air mineral

40



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 18 JANUARI 2017 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Terpaksa guna air mineral
Muka Surat	40

Terpaksa *guna air mineral*

3 hari tiada air, penduduk di sekitar Pandan Perdana harap masalah diatasi segera

AMPANG - Penduduk di sekitar Pandan Perdana, di sini yang berhadapan dengan gangguan bekalan air sejak tiga hari lalu berharap masalah tersebut segera diatasi pihak berkenaan.

Suri rumah, Zarina Zain, 41, berkata, aktiviti harian keluarganya seperti memasak dan membasuh pakaian terjejas akibat gangguan bekalan air.

"Situasi terputus bekalan air ini amat menyusahkan kami. Ia juga merugikan masa, tenaga dan wang ringgit kerana terpaksa beli air mineral untuk kegunaan keluarga.

"Bila tak boleh masak sebab tiada air, terpaksa kami keluar makan di kedai. Baju pula perlu dihantar ke dobi," katanya.

Manakala Zainal Nizam, 35, berkata, penduduk kesal kerana tidak dimaklumkan lebih awal berhubung gangguan bekalan air itu.

"Kita terpaksa catu air walaupun Syabas menyediakan lori tangki air untuk mengagihkan air dari rumah ke rumah. Saya sangat berharap agar masalah ini tidak berpanjangan," katanya.


Sementara itu, Suresh berkata, dia terpaksa menggunakan air mineral untuk ke tandas.

"Saya ada menghubungi perkhidmatan pelanggan Syabas, mereka memaklumkan pemulihan dijangka siap Isnin lalu dan hanya tunggu air disalurkan secara berperingkat, tapi sehingga kini tidak ada air.

"Majoriti penduduk di sebuah



Lokasi Pusat Khidmat Setempat yang disediakan Syabas.



Penduduk mendapatkan bantuan bekalan air.

kondominium di sini mendakwa masalah gangguan air ini dijangka berlarutan sehingga akhir minggu ini. Saya berharap pihak Syabas boleh beri maklumat dari semasa ke semasa agar saya boleh buat persiapan," katanya.

Ketua Seksyen Khidmat Pelanggan Syabas Wilayah Kuala Lumpur, Azizi Al Rahma Daud berkata, pihaknya mendapati hampir keseluruhan kawasan Taman Pandan Perdana menghadapi gangguan bekalan air.

"Kita sudah mewujudkan Pusat Khidmat Setempat di Jalan Perdana 10/6, Taman Pandan Perdana, ia beroperasi 24 jam.

"Ia juga berfungsi sebagai pili air bergerak bagi membantu penduduk mendapatkan bantuan bekalan air," katanya.

Menurutnya, sebanyak lapan lori tangki air akan mengagihkan bekalan air di sekitar kawasan ini.

"Kita turut menyediakan pasukan balai yang terdiri daripada 10 individu bagi membantu penduduk yang tinggal di kawasan perumahan bertingkat seperti pangapuri dan flat," katanya.

Sebelum ini, Syabas memaklumkan sebanyak 65 kawasan di Kuala Lumpur termasuk Taman Pandan Perdana mengalami gangguan bekalan air akibat pengeluaran rendah air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Langat, Ahad lalu.

INFO • Pengguna boleh merujuk www.syabas.com.my, aplikasi telefon pintar 'mySyabas', Facebook Air Selangor atau Twitter [air_selangor](https://twitter.com/air_selangor) untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai status pemulihan

Bekalan air pulih berperingkat

AMPANG - Beberapa kawasan di Kuala Lumpur yang mengalami gangguan bekalan air akibat pengeluaran air rendah di Loji Rawatan Air Sungai Langat kini pulih secara berperingkat setelah loji beroperasi seperti biasa pada jam 12 tengah hari kelmarin.

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah berkata, sehingga jam 1 tengah hari, bekalan air sudah pulih 41 peratus di kawasan yang terlibat.

"Bekalan air di premis yang berada di kawasan tinggi dan hujung, sistem agihan akan ambil sedikit masa untuk pulih sepenuhnya. Segala usaha sedang dilaksanakan untuk mempercepatkan pemulihan bekalan air ke kawasan terlibat," katanya.

Menurutnya, penghantaran bekalan air bantuan dengan lori tangki air masih diteruskan sehingga kolam takungan di kawasan yang terlibat mencapai paras optimum.

"Bekalan air dijangka pulih sepenuhnya di kawasan yang terlibat pada Jumaat ini.

"Pengguna dinasihat supaya menggunakan air secara berhemah semasa pemulihan untuk mempercepatkan paras air kolam takungan di kawasan masing-masing mencapai paras optimum," katanya.